

# SUARA MIMBAR

INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF

## RAMADAN SAHAM KE AKHIRAT


m/s 23

## KEAJAIBAN ZIKIR : AMALAN RINGAN, PAHALA BERLIMPAH

m/s 24

## BUBUR MASJA-SA: TRADISI YANG TAK LAPUK DEK HUJAN, TAK LEKANG DEK PANAS

m/s 22





LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN  
MASJID NEGERI SARAWAK

[Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [YouTube](#) [TikTok](#) [TVBS](#) [Internet Radio](#) [LAKMNS](#)

# INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain

### PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai  
Encik Mohamad Feisal bin Said

### PANEL EDITOR

Puan Megawati binti Haji Julaih  
Puan Nona Zaharia binti Fadzil  
Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir  
Puan Siti Emiliana binti Mohamad Edmund  
Encik Khasmady bin Mahidi  
Encik Husmizam bin Ashek

### SUB-EDITOR

Puan Haryati binti Mohamad

### PENOLONG SUB-EDITOR

Mohamad Hanif bin Abdulllah

### PENULIS/PENGARANG

Puan Dayang Siti Aisyah binti Mohd Atei  
Puan Nurulzaih binti Ibrahim  
Encik Abang Zulkernain bin Abang Yusuf  
Encik Ahmad Hisham bin Mohd Yakob  
Cik Nursin binti Mohamad Idris  
Ustazah Nursyafiqah binti Sulaiman  
Ustaz Muhammad Nur Izzat bin Muaz  
Encik Muhammad Hafiz Fadilah bin Bahar  
Puan Farah Farina binti Hossien

### PEREKA GRAFIK

Heiruzam Filani bin Mohamad

### JURUGAMBAR

Hadihizami bin Haidi  
Ammirol bin Harun  
Shafiq Ashrafy bin Haji Ghazali

### PENYELENGGARA/KOORDINATOR

Unit Multimedia, Bahagian Publisiti dan Komunikasi

Diterbitkan Oleh :

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS)  
Alamat : Tingkat 8, Bangunan Baitul Makmur 1, Medan Raya,  
Petra Jaya, 93050, Kuching Sarawak.  
Emel : [publicity@lakmns.org.my](mailto:publicity@lakmns.org.my)  
No Tel : 082-440775



**A**ssalamualaikum dan salam sejahtera pembaca Suara Mimbar yang budiman.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dipertemukan sekali lagi dalam edisi pertama Suara Mimbar bagi tahun 2025. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda serta para sahabat yang mulia. Semoga kita semua sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah SWT.

Tahun 2025 membawa lembaran baharu dalam usaha Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) untuk terus memperkasa peranan masjid sebagai pusat keilmuan, ibadah dan kebajikan. Dalam dunia yang semakin berkembang, peranan masjid tidak hanya terbatas sebagai tempat solat semata-mata, tetapi menjadi nadi kepada pembangunan spiritual, sosial dan intelektual umat Islam.

Edisi kali ini membawa pelbagai artikel menarik yang mengupas isu-isu semasa berkaitan institusi masjid serta peranannya dalam membentuk masyarakat madani. Antara fokus utama adalah kepentingan wakaf dalam memperkasa pembangunan masjid dan institusi Islam, termasuk inisiatif baru seperti Projek Wakaf Pusat Agama Nurul Sa'adah yang diharap dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Selain itu, kita turut menyoroti persediaan menyambut bulan Ramadan, satu bulan yang dinanti-nantikan oleh umat Islam seluruh dunia. Dalam edisi ini, penulis kami berkongsi tentang kelebihan bulan Ramadan dan beberapa amalan yang boleh kita amalkan sepanjang bulan yang mulia ini.

Akhir kata, Sidang Redaksi Suara Mimbar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dalam penerbitan majalah ini. Semoga usaha kecil ini menjadi asbab kepada peningkatan ilmu dan kesedaran dalam masyarakat. Kami juga mengalu-alukan cadangan serta sumbangan idea daripada para pembaca bagi memastikan Suara Mimbar terus relevan dan bermanfaat untuk semua.

Sekian, wassalam.  
Selamat membaca!

# KANDUNGAN

## EDISI 15 / JAN - MAC 2025



4

KUNJUNGAN HORMAT  
KEPADА YAB TIMBALAN  
PERDANA MENTERI  
MALAYSIA



5

PROGRAM RETREAT  
PENGURUSAN  
PROFESIONAL  
LAKMNS 7.0



6

MAJLIS KONVOKESYEN  
KE-15 TATTARY  
2024/2025



7

CERAMAH BERSIRI  
ISRAK MIKRAJ  
LAKMNS



8

KEMEN CAKNA KANSER  
ANJURAN MAJLIS KANSER  
NASIONAL (MAKNA)



9

"HELLO COUNSELOR"  
SIRI 1 LAKMNS 2025



10

"TATTARY BACK  
TO SCHOOL"



11

KURSUS INDUKSI  
KAKITANGAN  
SIRI 6 LAKMNS 2025



12

KUNJUNGAN  
HORMAT LAKMNS KE  
PEJABAT SUARA  
SARAWAK



13

PROGRAM  
PENGENALAN  
KEPADА "E-INVOICING"



14

GOTONG ROYONG  
PERDANA



15

PROGRAM  
WANITA ASPIRASI  
LAKMNS 2025



16

MAJLIS NGUAR BUBUR  
MASJA-SA 2025



17

HAFLAH AL-QURAN  
SEMPENA  
NUZUL QURAN



18

MAJLIS HAFLAH  
AL-QURAN  
HELWA 1446H/2025M



19

MAJLIS KHATAM  
AL-QURAN  
1446H/2025M



20

SOLAT SUNAT  
AIDILFITRI  
1446H/2025M



21

KOMITMEN LAKMNS  
DALAM  
ASPIRASI PCDS 2030



22

BUBUR MASJA SA:  
TRADISI YANG TAK  
LAPUK DEK HUJAN,  
TAK LEKANG DEK PANAS



23

RAMADAN SAHAM  
KE AKHIRAT



24

KEAJAIBAN ZIKIR  
: AMALAN  
RINGAN, PAHLA  
BERLIMPAH



25

KEPENTINGAN  
PENYELENGGARAAN  
BANGUNAN



26

ALIRAN TUNAI POSITIF:  
KUNCI KELANGSUNGAN  
KEWANGAN



27

PENCEGAHAN:  
LANGKAH  
PENTING MENJAMIN  
KESELAMATAN



28

IRIS MEMANTAPKAN  
KEMAHIRAN  
PENYIARAN



29

ISLAM DAN  
TENAGA BERSIH:  
MENYELAMI  
POTENSI TENAGA  
HIDROGEN



30

REFORMASI GAJI  
MINIMUM: PELUANG,  
CABARAN DAN  
PENYELESAIAN



31

KEMAHIRAN HIDUP  
KUNCI KEPADA  
KEMANDIRIAN



INTERNET RADIO ISLAMIC SARAWAK  
Isnin - Jumaat 10 Pagi - 4 Petang



SILA IMBAS QR CODE  
UNTUK MUAT TURUN  
SEMUA PLATFORM  
MEDIA SOSIAL IRIS



# KUNJUNGAN HORMAT KEPADA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

Pada 11 Januari 2025, Rombongan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, bertempat di Hotel Waterfront, Kuching.

Dalam kunjungan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS telah berkongsi tentang perkembangan terkini di LAKMNS termasuk berkenaan Festival Maal Hijrah 1447H/2025M yang bakal diadakan pada 20 hingga 29 Jun 2025 yang akan datang.

Hadir sama dalam kunjungan hormat adalah Encik Mohamad Feisal bin Said, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif serta pegawai-pegawai kanan LAKMNS.



# PROGRAM RETREAT PENGURUSAN PROFESIONAL LAKMNS 7.0

Program Retreat Pengurusan Profesional LAKMNS 7.0 telah diadakan pada 7 hingga 9 Januari 2025 di Mulu, Sarawak. Program ini disertai seramai 20 orang kumpulan Pengurusan LAKMNS yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said, Ketua-ketua Pegawai serta Ketua-ketua Bahagian LAKMNS.

Program ini merupakan platform bagi Pengurusan tertinggi LAKMNS untuk berkongsi Pencapaian Tahun 2024, Perancangan setiap Jabatan dan Bahagian LAKMNS bagi tahun 2025 serta pelaksanaan Pelan ABC (Aman, Bahagia, Ceria) LAKMNS.

Hari pertama program tersebut dimulakan dengan pengisian aktiviti di Taman Negara Mulu iaitu melawat Gua Lang (*Lang Cave*) dan Gua Rusa (*Deer Cave*) serta menyaksikan fenomena berjuta-juta kelawar keluar dari Gua Rusa (*Deer Cave*) di Bat Observatory Mulu. Program diteruskan pada waktu malam hari pertama dengan sesi pembentangan dari Jabatan/Bahagian LAKMNS yang dimulakan dengan amanat daripada Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS serta taklimat daripada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS.

Program diteruskan pada hari kedua dengan aktiviti di Taman Negara Mulu iaitu melawat 'Penan Settlement', Gua Angin (*Wind Cave*) dan Gua Air Jernih (*Clearwater Cave*). Kemudiannya diteruskan pada waktu malam hari kedua dengan sesi pembentangan dan diakhiri dengan sesi penggulungan dan penangguhan program. Pada sesi penggulungan yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, beliau telah merumuskan perkara-perkara yang telah dibentangkan oleh setiap Jabatan dan Bahagian dan di antara pendekatan utama yang ditekankan adalah bagi LAKMNS untuk turut menyumbang dalam Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS 2030) iaitu pelan induk pembangunan jangka panjang Kerajaan Negeri Sarawak yang bertujuan mempercepatkan pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar di Sarawak dalam tempoh pasca-pandemik COVID-19.

Pada ucapan penangguhan program oleh Ketua Pegawai Eksekutif, LAKMNS, YBhg. Datuk menyarankan agar barisan Pengurusan LAKMNS menetapkan sasaran aktiviti serta objektif "Low-Hanging Fruit" bagi setiap Jabatan dan Bahagian LAKMNS yang secara tidak langsung akan mengurangkan kos perbelanjaan pengurusan LAKMNS.

Program diteruskan pada hari ketiga iaitu hari terakhir program dengan aktiviti 'Canopy Skywalk' di Taman Negara Mulu yang memberikan pengalaman unik menjelajah hutan hujan tropika dengan melalui jambatan gantung yang tinggi sambil menawarkan pemandangan yang memersonakan.



# MAJLIS KONVOKESYEN KE-15 TATTARY 2024/2025

Majlis Konvokesyen ke-15 Tadika Tahfiz Tun Abdul Rahman Ya'kub (TATTARY) bagi sesi 2024/2025 telah berlangsung pada 15 Januari 2025 bertempat di Dewan Hikmah B, Kuching.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak merangkap Ahli Lembaga LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, yang hadir bersama isteri.

Pada majlis ini, seramai 75 orang murid enam tahun telah diraikan sempena tamat pengajian mereka di TATTARY. Manakala, 18 orang murid dari kelas empat tahun dan lima tahun turut menerima Anugerah Murid Terbaik bagi kelas masing-masing.

Majlis Konvokesyen merupakan program tahunan yang diadakan sebagai apresiasi kepada anak-anak TATTARY yang telah menamatkan pendidikan mereka di tadika.

Turut hadir pada majlis ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai serta isteri, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said serta Ketua-ketua Pegawai dan Ketua-ketua Bahagian LAKMNS.



# CERAMAH BERSIRI ISRAK MIKRAJ LAKMNS

Bersempena sambutan Israk Mikraj, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menganjurkan Ceramah Bersiri Israk Mikraj yang diadakan selama lima malam berturut-turut di Masjid Bandaraya Kuching dan Masjid Jamek Negeri Sarawak.

Siri ceramah ini dimulakan pada 22 Januari 2025 dengan penampilan al-Fadhil Ustaz Haji Mohammad Syarifuddin bin Abdul Kadir dengan tajuk "Tahun Kesedihan Rasulullah SAW", al-Fadhil Ustaz Morshidi July (Israk: Perjalanan Agung), Sahibul Fadhilah Datu Haji Khalidi bin Ibrahim (Ketibaan Nabi Muhammad SAW), Sahibul Fadhilah Dato' Haji Mustapha Kamal bin Ahmad Fauzi (Kefardhuan Solat Lima Waktu) dan penutup bagi siri ini pada 26 Januari pula menampilkan Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Yassin yang menyampaikan tajuk Khulasah dan Ibrah Israk Mikraj.



# KEMPEN CAKNA KANSER ANJURAN MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA)

Taklimat Cakna Kanser serta penerangan Program 'My Pledge Against Cancer' (MPAC) anjuran Majlis Kanser Nasional (MAKNA) telah disampaikan oleh Encik Mohd Hidhir bin Abu Bakar, Pegawai (Pembangunan Dana), MAKNA kepada 20 orang kakitangan LAKMNS bertempat di Bilik Mesyuarat Rafflesia, Tingkat 8, Baitul Makmur I pada 24 Januari 2025.

Objektif penganjuran Taklimat Cakna Kanser MAKNA adalah untuk memberi penerangan mengenai peranan MAKNA dalam membantu pesakit kanser yang kurang berkemampuan serta tips Pencegahan kanser. Taklimat ini juga dapat memberi peluang kepada orang ramai untuk membantu pesakit kanser yang memerlukan menerusi sumbangan yang berterusan melalui Program 'My Pledge Against Cancer' (MPAC).

Semoga usaha ini dapat meningkatkan kesedaran tentang Pencegahan kanser dan membantu pesakit yang memerlukan sokongan.



# PROGRAM PENGENALAN KAUNSELING “HELLO COUNSELOR” SIRI 1 LAKMNS 2025

Pada 12 Februari 2025, telah diadakan Program Pengenalan Kaunseling “Hello Counselor” di Bilik Kuliah, Masjid Bandaraya Kuching anjuran Unit Psikologi dan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Group HR LAKMNS). Seramai 66 orang kakitangan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) yang hadir ke program ini termasuk Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-Masjid, Ketua Bahagian Masjid Bandaraya Kuching serta Ketua Bahagian Keselamatan.

Tujuan pelaksanaan program ini adalah bagi memberi kefaamanan dan pengenalan berkenaan dengan kaunseling serta kewujudan kaunselor baharu di LAKMNS. Sebelum ini mungkin terdapat kakitangan yang sudah sedia maklum dengan perkhidmatan kaunseling tetapi tidak kurang juga yang masih kurang jelas berkenaan kaunseling. Di samping itu, kaunselor dapat berkongsi pengetahuan berkenaan khidmat kaunseling yang disediakan oleh kaunselor serta dapat membina hubungan yang baik antara kaunselor dengan kakitangan. Kaunselor telah menyediakan 4 slot iaitu slot ice breaking, slot pengenalan perkhidmatan kaunseling, slot Hello Counselor yang menerangkan tentang masalah kesihatan mental dan slot saringan kesihatan. Daripada slot tersebut, kakitangan dapat memahami apa itu stres, kemurungan dan keresahan.

Semua kakitangan yang menjadi peserta telah diminta untuk melengkapkan borang saringan kesihatan yang terdiri daripada Dass-21, PHQ-9, dan GAD-7. Saringan kesihatan ini dilakukan untuk mengetahui tahap kesihatan mental sama ada berada ditahap normal, sederhana atau teruk. Aktiviti ini dilakukan bagi menilai dan mengenalpasti kakitangan yang perlukan bantuan psikologikal supaya boleh dibantu dari peringkat awal lagi.

Melalui program ini juga, diharapkan semua kakitangan mampu untuk membuang stigma negatif terhadap perkhidmatan kaunseling dan segera dapatkan bantuan jika merasakan diri mempunyai masalah kesihatan mental.



# “TATTARY BACK TO SCHOOL”

Suasana hari pertama sesi persekolahan Tadika Tahfiz Tun Abdul-Rahman Ya'kub (TATTARY) pada 17 Februari 2025. Pelbagai gelagat yang sempat dirakam lensa jurugambar Unit Multimedia, LAKMNS.



# KURSUS INDUKSI KAKITANGAN SIRI 6 LAKMNS 2025

Seramai 35 kakitangan baharu Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah mengikuti Kursus Induksi Kakitangan Siri 6 LAKMNS, pada 14 – 16 Februari 2025 bertempat di Libiki Bamboo Resort, Bau.

Peserta terdiri daripada kakitangan LAKMNS dari pelbagai jawatan serta bahagian. Program ini adalah sebagai pengenalan tentang LAKMNS serta jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian yang membentuk organisasi LAKMNS. Selain itu, para peserta turut melakukan aktiviti berkumpulan (team building) yang dikendalikan oleh barisan jurulatih dari Kelab Sukan Rekreasi Outraxx Kuching sebagai objektif untuk mewujudkan nilai kerjasama di kalangan peserta.

Pada hari terakhir program, Majlis Penangguhan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Esekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai.

Dalam ucapannya, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap menyeru kakitangan LAKMNS agar mewujudkan satu jentera kerja yang mempunyai ciri-ciri dinamik, selain memiliki kelebihan dalam melakukan pelbagai tugas (multi-tasking).

Beliau turut mengingatkan kakitangan LAKMNS manfaatkan masa yang ada untuk melakukan perubahan yang lebih baik untuk meningkatkan imej korporat LAKMNS selari dengan visi ke arah badan amanah Islam yang bertaraf dunia. Ujarnya, kakitangan LAKMNS juga perlu meningkatkan nilai integriti di samping menambahbaik elemen sikap, kemahiran dan ilmu (*attitude, skill and knowledge – ASK*) dengan harapan ia akan menghasilkan mutu kerja yang berkualiti.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-masjid, Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir serta Ketua Jurulatih Kelab Sukan Rekreasi Outraxx Kuching, Encik Yaman bin Yahya.



# KUNJUNGAN HORMAT LAKMNS KE PEJABAT SUARA SARAWAK

Pada 24 Februari yang lalu, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat akhbar Suara Sarawak di Metro City, Kuching.

Rombongan LAKMNS diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai. Turut serta dalam kunjungan ini ialah Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan dan Perkhidmatan, Puan Hajah Megawati binti Haji Julaihi; Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-Masjid, Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir; Ketua Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi, Puan Haryati binti Mohamad; serta Pegawai Unit Multimedia, Encik Mohamad Hanif bin Abdullah.

Rombongan LAKMNS telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suara Sarawak, YBhg. Dato' Dr. Haji Jeniri Amir, bersama Senior Manager Corporate Business Division & HR, Encik Dorge Rajah; Senior Manager Digital Division, Encik Awang Rosli Jaya; dan Editor-in-Chief, Encik Aden Nagrace.

Kunjungan ini bertujuan untuk menyampaikan jemputan rasmi kepada pihak Suara Sarawak sebagai media rasmi bagi Festival Maal Hijrah 1447H/2025 yang bakal diadakan sempena tahun baru Hijrah. Selain itu, kedua-dua pihak turut berbincang mengenai potensi kerjasama serta berkongsi perkembangan terkini masing-masing.





# PROGRAM PENGENALAN KEPADA “E-INVOICING”

Pada 26 Februari 2025, Jabatan Kewangan, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menganjurkan Program Pengenalan Kepada “E-Invoicing” bertempat di Bilik Seminar 1 & 2, Baitul Makmur II.

Program ini telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Abang Abdul Wahap Bin Haji Abang Julai, Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Encik Mohamad Feisal Bin Said, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Ketua-Ketua Pegawai, Ketua-Ketua Bahagian, & kakitangan Jabatan Kewangan LAKMNS.

Pembentangan program tersebut telah disampaikan oleh wakil Ejen Cukai LAKMNS iaitu Tuan Haji Wan Idris bin Wan Ibrahim daripada Tetuan Idris Ibrahim Tax Advisory Sdn. Bhd. Program tersebut diadakan bertujuan untuk memberi perancangan berkenaan perlaksanaan sistem invois perniagaan secara elektronik (e-invois) oleh kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).





## GOTONG ROYONG PERDANA

Sejak tahun-tahun yang lalu, menjadi tradisi bagi Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) untuk mengadakan Gotong-royong Perdana bertempat di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah Kuching (TPRSK) sempena ketibaan bulan Ramadan. Pada tahun ini program ini telah dijalankan pada 1 Mac 2025.

Program ini turut disertai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Encik Mohamad Feisal bin Said serta barisan pengurusan dan kakitangan LAKMNS, bersama-sama orang ramai membersihkan kawasan sekitar TPRSK.

Program yang sama juga dilaksanakan di Tanah Perkuburan Masjid Bandaraya Kuching yang turut disertai oleh Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-masjid (JPMM) LAKMNS.





# PROGRAM WANITA ASPIRASI LAKMNS 2025

Program Wanita Aspirasi LAKMNS 2025 anjuran Unit Psikologi dan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Group HR LAKMNS) telah diadakan pada 6 Mac 2025 bertempat di Club House MASJA-SA, Bangunan Baitul Makmur I.

Program ini diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf dan menghargai peranan yang dimainkan oleh wanita dalam pembangunan negara. "Wanita Beraspirasi Membina Legasi" diumumkan sebagai tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tema ini dipilih bagi mengangkat usaha wanita untuk mencipta perubahan yang berkekalan.

Seramai 30 kakitangan wanita Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak telah hadir ke program tersebut. Program ini diadakan bagi memberi pengetahuan, pendedahan serta kesedaran untuk golongan wanita mengenai pentingnya wanita dalam Islam dan menjadi contoh dalam pembentukan keluarga, rumah tangga, didikan anak-anak dan juga ditempat kerja. Agama Islam telah meletakkan wanita di suatu kedudukan yang terjamin dari segi nilai kewanitan mereka dan mempunyai taraf yang penting dalam masyarakat.

Dalam program ini, terdapat perkongsian ceramah yang disampaikan oleh Ustazah Nursyafiqah binti Sulaiman, Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Masjid Jamek Negeri Sarawak, Jabatan Pengurusan Masjid-Masjid, LAKMNS yang bertajuk "Wanita Aspirasi dalam Islam". Seterusnya, terdapat perkongsian berkaitan "Self Care" dari Puan Nur Athirah binti Nawawi, Pegawai Kaunselor dengan pengisian pelbagai aktiviti. Diharapkan melalui program ini, kakitangan wanita LAKMNS menyedari nilai diri mereka serta menyedari kepentingan menjagaan diri untuk menjadi wanita aspirasi yang membina legasi anak bangsa berkualiti di dunia dan juga di akhirat kelak.





## MAJLIS NGUAR BUBUR MASJA-SA 2025

Pada 15 Mac 2025, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menganjurkan Majlis 'Nguar Bubur' MASJA-SA 2025, yang diadakan di perkarangan Masjid Jamek Negeri Sarawak.

Program pengagihan Bubur MASJA-SA yang merupakan acara tahunan sempena Ramadan ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat serta mengelakkan tradisi penyediaan bubur MASJA-SA, hidangan istimewa yang sinonim dengan bulan Ramadan di Sarawak.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Datuk Haji Abdul Wahap bin Haji Abang Julai yang turut menyempurnakan simbolik pengagihan bubur. Beliau disertai Ketua Unit Perhubungan Pihak Berkepentingan Bernas Sarawak Encik Sopian bin Lokmas, Eksekutif Pembangunan Pemasaran Liansin Sdn Bhd Encik Andrew Bong Wei Jie, Presiden Kelab Kakitangan Sarawak Media Group (SMG), Encik Sardon Zainal dan Penolong Pengurus Kawasan Big Pharmacy, Ms Sonia Yap Yung Hwei, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Encik Mohamad Feisal bin Said serta pengurusan kanan LAKMNS.

Pada tahun ini pihak LAKMNS telah mendapat kerjasama daripada pihak Liansin Sdn Bhd dan Bernas Wilayah Sarawak dimana masing-masing menaja 500kg beras. Sementara itu pada majlis yang samai, pihak TV Sarawak (TVS) dengan kerjasama Big Pharmacy menaja tiga periuk bubur untuk diajukan kepada masyarakat setempat.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, dianggarkan 3000 pak Bubur MASJA-SA telah disediakan oleh kakitangan LAKMNS dengan kerjasama sukarelawan belia. Pengagihan bubur dilakukan secara pandu lalu kepada masyarakat sekitar, bermula selepas solat Asar. Agihan bubur bagi tahun ini berlangsung pada 11 hingga 20 Mac 2025 di Masjid Jamek Negeri Sarawak dan Masjid Bandaraya Kuching.

Program ini bukan sahaja memperkuuh ukhwah Islamiyah tetapi juga melambangkan kepedulian institusi masjid dalam menyantuni masyarakat. Tradisi penyediaan bubur MASJA-SA ini telah diwarisi sejak sekian lama, dan LAKMNS mengambil inisiatif untuk meneruskan tradisi ini bagi memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya dalam menghidupkan suasana Ramadan dengan amalan bersedekah dan bergotong-royong.



# HAFLAH AL-QURAN SEMPENA NUZUL QURAN

Bersempena sambutan Nuzul Quran, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) tidak ketinggalan untuk meraikan hari tersebut dengan mengadakan Haflah al-Quran di Masjid Jamek Negeri Sarawak dan juga Masjid Bandaraya Kuching.

Program bermula di Masjid Jamek Negeri Sarawak pada 17 Mac 2025 di mana dua orang qari jemputan khas telah dijemput untuk memperdengarkan bacaan al-Quran, iaitu Johan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2023 al-Fadhil Ustaz Muhammad Qayyim Nizar bin Sarimi, dan Johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2024 al-Fadhil Ustaz Mohamad Husaini bin Mahmur.

Manakala pada 18 Mac pula majlis yang sama berlangsung di Masjid Bandaraya Kuching juga menampilkan al-Fadhil Ustaz Mohamad Husaini bin Mahmur bersama Johan Tilawah al-Quran Peringkat Sarawak 2023 Saudara Hadi bin Mohd Sharkawi, dan Johan Tilawah al-Quran peringkat Sarawak 2024 Saudara Ahmad Mukhlis bin Yahya.



# MAJLIS HAFLAH AL-QURAN HELWA MERIAHKAN SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN 1446H/2025M

Masjid Jamek Negeri Sarawak sekali lagi diimarahkan dengan Majlis Haflah Al-Quran HELWA sempena sambutan Nuzul al-Quran yang berlangsung pada 22 Mac 2025. Program ini dianjurkan dengan tujuan memperkuatkan kecintaan umat Islam terhadap al-Quran serta menyemarakkan semangat penghayatan kalamullah dalam kehidupan sehari-hari.

Majlis yang bermula pada jam 9.30 pagi ini disertai lebih 200 peserta terdiri daripada Muslimah sekitar Kuching. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran dua qariah jemputan iaitu Naib Johan Tilawah Al-Quran Kebangsaan 2024, Ustazah Nadhrah Ahmad Marzuki, dan Johan Tilawah Al-Quran Negeri Sarawak bagi tahun 2017, 2019, 2020, 2021, 2022, dan 2024 Ustazah Nur Syakura Mohamad Musa.

Majlis Haflah Al-Quran ini bukan sahaja bertujuan untuk mengimarahkan masjid tetapi juga sebagai platform untuk memperkuatkan pemahaman dan penghayatan umat Islam terhadap kitab suci Al-Quran. Semangat kebersamaan dan kecintaan terhadap kalam Allah ini jelas tergambar melalui sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat.

Dengan penganjuran majlis seperti ini, diharapkan agar lebih ramai umat Islam, khususnya generasi muda, akan terus mendekati Al-Quran serta mengamalkan ajaran-ajarannya dalam kehidupan sehari-hari. Masjid Jamek Negeri Sarawak berhasrat untuk terus menganjurkan program-program yang bermanfaat seperti ini bagi memastikan keagungan Islam terus terpelihara dan diperkuatkan.





# MAJLIS KHATAM AL-QURAN 1446H/2025M

Majlis Khatam al-Quran anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah berlangsung di Masjid Jamek Negeri Sarawak pada 23 Mac 2025.

Peserta adalah terdiri daripada 723 orang peserta program tadarus al-Quran yang berlangsung di Masjid Jamek Negeri Sarawak sepanjang bulan Ramadan.

Bacaan khatam al-Quran telah dipimpin oleh peserta-peserta tadarus al-Quran yang telah berlangsung sepanjang bulan ramadan di Masjid Jamek Negeri Sarawak. Seterusnya majlis diperdengarkan dengan bacaan tahtim yang dipimpin oleh guru-guru serta peserta tadarus al-Quran.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said, Ketua-ketua Pegawai dan Ketua-ketua Bahagian LAKMNS.

Pada majlis tersebut, pihak LAKMNS turut menyampaikan duit raya kepada semua peserta tadarus.



# SOLAT SUNAT AIDILFITRI 1446H/2025M

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah menyertai orang ramai menunaikan Solat Sunat Aidilfitri di Masjid Jamek Negeri Sarawak pada 31 Mac 2025.

Turut mengiringi Yang di-Pertua Negeri adalah Premier Sarawak Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, serta beberapa orang kenamaan negeri yang lain.

Menyambut ketibaan tetamu kenamaan adalah Setiausaha Kehormat Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS), Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain, Ahli-ahli Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai serta pengurusan tertinggi LAKMNS.

Solat Sunat Aidilfitri dipimpin oleh Imam Besar Sarawak, Sahibul Fadhilah Dato' Haji Mustapha Kamal bin Ahmad Fauzi, yang turut menyampaikan khutbah bertajuk "Hakikat Kemenangan Aidilfitri".

Sementara itu, di Masjid Bandaraya Kuching, Solat Aidilfitri telah dipimpin oleh al-Fadhil Ustaz Haji Syed Abdul Aziz bin Haji Wan Yusuf, dan seterusnya menyampaikan khutbah.



# KOMITMEN LAKMNS DALAM ASPIRASI PCDS 2030

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abdullah

Strategi Pembangunan Pasca COVID atau Post-COVID Development Strategy (PCDS) 2030 adalah strategi pembangunan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Sarawak bagi memastikan pemulihan ekonomi dan sosial negeri ini selepas pandemik COVID-19. Matlamat utama PCDS 2030 adalah untuk menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri yang bereconomii maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030, dengan fokus kepada pembangunan mampan dan inklusif.

Bagi membolehkan strategi ini dilaksanakan beberapa Kerajaan Sarawak telah menetapkan enam sektor ekonomi utama yang disokong dengan tujuh pemboleh ubah (key enablers). Enam sektor yang digariskan adalah sektor pembuatan, pertanian, pelancongan, perhutanan, perlombongan, dan perkhidmatan sosial. Sektor-sektor ekonomi ini akan disokong oleh tujuh pemboleh utama, iaitu transformasi digital, inovasi, infrastruktur asas, pengangkutan, utiliti, tenaga boleh diperbaharui, serta pendidikan dan pembangunan modal insan.

Sebagai sebuah badan Amanah yang bertanggungjawab dalam mentadbir urus institusi masjid, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) terpanggil untuk turut serta dalam inisiatif kerajaan Sarawak ini. Perkara ini telah dizahirkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Julai dalam Program Retreat Pengurusan Profesional LAKMNS 70 yang telah diadakan pada 7 hingga 9 Januari 2025 di Mulu.

Dalam menyokong strategi PCDS 2030 ini, LAKMNS melihat kepada beberapa sektor dan pemboleh utama yang boleh diteliti untuk dilaksanakan, malah beberapa perkara yang bersangkutan dengan strategi ini telahpun dilaksanakan.

Dari segi perkhidmatan sosial, LAKMNS komited dalam memperkasakan institusi masjid bukan sahaja sebagai pusat ibadah, malah menjadikannya sebagai pusat komuniti dan kebajikan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, termasuk bantuan kebajikan kepada golongan asnaf, program pendidikan agama, dan pelaksanaan pelbagai program sosial dan kemasyarakatan.



Melalui Bahagian Pelajaran yang mengawal selia Tadika Tahfiz Tun Abdul-Rahman Ya'kub (TATTARY) dan Pusat Kecemerlangan MASJA-SA, LAKMNS menyumbang dalam aspek pendidikan dan pembangunan modal insan. Saban tahun, aspek pendidikan ini sentiasa ditambah baik serta diperbaiki mutu perkhidmatannya untuk memastikan kualiti pendidikan yang disediakan adalah selari dengan falsafah dan polisi pendidikan negara.

Digitalisasi merupakan salah satu inisiatif yang menjadi agenda LAKMNS dalam inisiatif transformasi LAKMNS yang dilakukan sejak lebih lima tahun yang lalu. Transformasi digital ini telah dilaksanakan terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan dan maklumat kepada masyarakat, termasuk melalui laman web rasmi, media sosial dan sistem pengurusan yang lebih cekap. Penggunaan teknologi moden membantu mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan memperluaskan capaian maklumat kepada masyarakat. Dari segi sistem penyampaian makluman misalnya, LAKMNS telah menuhubukkan radio islamik digital yang pertama di Sarawak iaitu Internet Radio Islamic Sarawak (IRIS).

Sebagai langkah ke arah pembangunan mampan, LAKMNS juga meneroka penggunaan teknologi hijau dalam pengurusan fasiliti yang dikendalikan seperti Masjid Jamek Negeri Sarawak dan Masjid Bandaraya Kuching, serta Bangunan Baitul Makmur I dan II, termasuk Tanah Perkuburan dan Kompleks Raudhatul Sakinah. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan seperti pemasangan sistem solar dan penggunaan sumber tenaga yang lebih efisien bagi mengurangkan kesan karbon. Walaupun usaha ini adalah kecil, namun LAKMNS tetap komited untuk memastikan apa yang dilakukan ini membuka jalan yang lebih besar untuk memberikan impak yang besar terutamanya kepada kesejahteraan masyarakat.

Melalui usaha ini, LAKMNS terus komited dalam menyokong aspirasi PCDS 2030 dengan memastikan bahawa institusi masjid bukan sahaja menjadi pusat ibadah, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, ekonomi, dan pendidikan masyarakat di Sarawak.





# PENYEDIAAN BUBUR MASJA-SA: TRADISI YANG TAK LAPUK DEK HUJAN, TAK LEKANG DEK PANAS

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abdullah

Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan, yang sentiasa dinantikan setiap orang Islam. Di dalam bulan ini, umat Islam menuaikna kewajiban rukun Islam ketiga, iaitu berpuasa, yakni ibadah mendahan diri dari makan, minum dan segala yang membatalkan puasa muali terbit fajar sehingga terbenamnya matahari. Bukan itu sahaja, bulan ini menjadi madrasah tarbiyah bagi umat Islam untuk menambahkan amalan di samping menjauhkan diri daripada perkara yang tidak baik. Amar makruf, nahi munkar.

Setelah seharian berpuasa di siang hari, seperkara menjadi perantau adalah juadah bagi berbuka puasa. Sudah pasti pelbagai hidangan menjadi pilihan. Di Malaysia misalnya, antara juadah yang popular untuk santapan ketika berbuka puasa adalah bubur lambuk. Kini, sudah menjadi trend di mana pihak masjid menyediakan bubur kegemaran ini untuk diagihkan kepada kariah setempat.

Tidak ketinggalan bagi Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) menjadikan tradisi menyediakan bubur ini sebagai acara tahunan sepanjang bulan Ramadan di Masjid Jamek Negeri Sarawak dan Masjid Bandaraya Kuching. Dalam kalangan penduduk sekitar Kuching, bubur yang disediakan LAKMNS ini lebih dikenali sebagai Bubur MASJA-SA. Bubur ini sentiasa dinantikan oleh penduduk setempat kerana keistimewaannya yang tersendiri.

Apa yang menjadikan Bubur MASJA-SA ini istimewa adalah cara penyediannya yang unik. Sejak diperkenalkan pada tahun 2000, cara masakan bubur ini masih dikenalkan iaitu disediakan di dalam leci (periuk besar) dan dimasak di atas kayu arang, berbanding dapur gas. Penggunaan cara tradisional ini adalah bagi menaikkan aroma yang lebih segar dan asli, secara tidak langsung meningkatkan keenakan bubur tersebut. Ramuananya juga masih dikenalkan dari dahulu, menjadikan rasa bubur ini konsisten sehingga hari ini.

Di samping itu, antara sebab cara tradisional ini dikenalkan adalah untuk memastikan kelembutan tekstur bubur tersebut, dan dengan penggunaan kayu arang ini juga ia dapat membakar dengan suhu yang konsisten. Justeru, dengan kaedah tradisional inilah yang mengekalkan rasa bubur ini yang gurih berlemak, ditambah dengan rempah ratus yang pelbagai, dan lebih membangkitkan selera dengan adanya potongan daging lembut.

Lebih menarik, penyediaan bubur ini juga diadakan secara borgotong-ropong oleh kakitangan LAKMNS dengan bantuan sukarelawan belia. Ini adalah salah satu inisiatif LAKMNS dalam menghidupkan tradisi nenek-moyang terdahulu yang amat mementingkan semangat kerjasama, lebih-lebih lagi suasana ini dihidupkan di perkarangan masjid, suatu tempat suci yang sinonim sebagai pusat perpaduan umat Islam.

Setelah seharian bubur ini disiapkan, anggaran sebanyak 3000 paket diagihkan kepada masyarakat setempat seusai solat Asar, bertempat di kedua-dua masjid kendalian LAKMNS, Masjid Jamek Negeri Sarawak dan Masjid Bandaraya Kuching. Berbanding tahun-tahun kebelakangan ini, bermula tahun 2021 agihan dilakukan secara pandu lalu (drive-thru).

Bubur MASJA-SA bukanlah sekadar juadah berbuka puasa, namun ia adalah satu manifestasi kepada kesatuan dan perpaduan. Ia juga adalah simbol kebersamaan, semangat gotong-royong, dan simbol tradisi yang mengakar teguh. Selain untuk dijamah, bubur ini juga membangkitkan sifat yang mulia yang dianjurkan agama, iaitu bersedekah dan bantu-membantu. Itulah yang diharapkan oleh LAKMNS lebih-lebih lagi dalam menghidupkan Ramadan al-Mubarak!

# RAMADAN SAHAM KE AKHIRAT

Disediakan oleh: Muhammad Nur Izzat bin Muaz

Ramadan adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam. Ini kerana, Ramadan merupakan bulan yang sangat istimewa dan penuh keberkatan. Dengan kedatangan bulan ini, kita digalakkan untuk memanfaatkan peluang yang di beri oleh Allah SWT untuk melabur saham akhirat. Seperti pelaburan saham di dunia yang memerlukan strategi serta kesabaran begitu juga pelaburan untuk akhirat, ianya memerlukan usaha yang berterusan dalam ibadah, amal dan kebaikan.

Bagaimana kita boleh membuat pelaburan saham akhirat di bulan Ramadan ini? Antara perkara yang kita boleh lakukan ialah dengan puasa secara ikhlas. Puasa bukanlah hanya sekadar menahan lapar dan dahaga dari selepas sahur sehingga waktu berbuka, akan tetapi wajib untuk kita menahan diri daripada melakukan perkara yang sia-sia dan boleh mendatangkan dosa. Allah SWT berfirman:

**Katakanlah (wahai Muhammad, akan firmanKu ini, kepada orang-orang yang berakal sempurna itu): "Wahai hamba-hambaku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. (Ingartlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). dan (ingartlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira". (Surah Az-Zumar: 10)**



Selain itu, antara amalan yang boleh kita lakukan untuk mendapat ganjaran pada bulan Ramadan ialah dengan memperbanyak sedekah dan infaq. Ini kerana segala amalan yang dilakukan di bulan Ramadan akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda. Ambillah peluang yang telah dihidangkan dengan melakukan banyak amalan dan meraih pahala yang banyak. Akan tetapi, beringatlah bulan Ramadan inilah yang akan mendidik kita untuk sentiasa mengawal diri daripada melakukan dosa lebih-lebih lagi dari segi lisan kita.

**Rasulullah SAW bersabda : " Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan perbuatan buruk, maka Allah tidak memerlukan dia meninggalkan makan dan minumnya." (HR. Bukhari).**

Dengan peringatan yang Rasulullah SAW tinggalkan kepada kita ini, wajib untuk kita sebagai orang yang beriman meninggalkan perkara buruk yang boleh mendatangkan dosa.

Akhirnya, Ramadan adalah bulan untuk umat Islam melakukan amal ibadah. Kerana didalamnya terdapat banyak amalan yang boleh mendatangkan pahala yang berlipat ganda. Oleh itu, gunakan sebaik mungkin peluang yang Allah SWT sediakan untuk kita untuk menggali saham akhirat agar kita mendapat untung besar di akhirat kelak.



# KEAJAIBAN ZIKIR : AMALAN RINGAN, PAHALA BERLIMPAH

Disediakan oleh: Nursyafiqah binti Sulaiman

Zikir adalah satu ibadah yang paling mudah dilakukan tetapi memiliki keutamaan dan kelebihan yang luar biasa. Zikir kepada Allah bermaksud mengingati dan menyebut namaNya dengan penuh kekhusukan, baik dengan lisan, hati, maupun perbuatan. Ini termasuklah membaca kalimah-kalimah yang mengandungi puji, doa dan permohonan kepadaNya. Zikir adalah satu bentuk ibadah yang menunjukkan ketundukan dan kecintaan seorang hamba kepada Penciptanya.

Allah SWT memerintahkan hambaNya untuk selalu berzikir sebagaimana FirmanNya dalam Al-Quran di dalam Surah Al-Ahzab ayat 41.

Maknunya : "Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah, dengan zikir yang sebanyak-banyaknya".

Selain itu, Rasulullah SAW bersabda :

**"Perumpamaan orang yang berzikir kepada TuhanYa dan yang tidak berzikir, seperti orang yang hidup dan orang yang mati" (HR Bukhari dan Muslim)**

Hadir ini menunjukkan bahawa zikir adalah tanda hidupnya hati. Sedangkan mereka yang lalai dari zikir seperti orang yang hatinya mati.



## Manfaat Zikir Dalam Kehidupan

### 1. Menenangkan Hati

Allah berfirman di dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang bermaksud : "Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram"

### 2. Menghapus Dosa

Rasulullah SAW bersabda :

"Barangsiapa yang mengucapkan 'Subhanallah Wabihamdih' seratus kali dalam sehari, nescaya akan dihapuskan dosa-dosanya, meskipun sebanyak buih di lautan" (HR Muslim)

### 3. Diingat oleh Allah

Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah ayat 152 yang bermaksud: "Maka ingatlah (berzikirlah kepadaKu, nescaya Aku akan mengingat kalian"

### 4. Mendapat Pahala Yang Besar

Rasulullah SAW bersabda :

"Dua kalimat yang ringan di lisan, tetapi berat dalam timbangan, dan dicintai oleh Allah : 'Subhanallah Wa Bihamdih, Subhanallah Azhim." (HR Bukhari dan Muslim)

## CARA ALLAH MENGINGAT HAMBA-NYA?

### - MEMBERIKAN KETENANGAN HATI

Orang yang sering berzikir akan merasa damai dan jauh dari kegelisahan.

### - MENGHAPUS DOSA-DOSANYA

Zikir dapat menjadi asbab diampunkan dosa-dosa kecil.

### - MEMBERIKAN PERLINDUNGAN DARIPADA BAHAYA

Allah akan menjaga hamba-hambaNya yang sentiasa mengingatinya.

### - MELIMPAHKAN RAHMAT DAN BERKAT DALAM KEHIDUPAN

Orang yang dekat dengan Allah akan selalu diberi kemudahan dalam hidup.

### - DISEBUT OLEH ALLAH DI HADAPAN PARA MALAIKATNYA

Kemuliaan besar bagi seorang hamba.

## CUKUPKAH ZIKIRKU?

Allah memberikan kepada hamba-hambaNya masa sebanyak 24 jam sehari. Akan tetapi kadangkalanya masa tersebut langsung tidak pernah diisi dengan menyebut satu pun zikir kepadaNya. Berzikir bukan hanya mendatangkan pahala, tetapi juga menjadi bukti bahawa Allah tidak pernah melupakan kita. Dengan mengingatinya melalui zikir dan ketaatan, kita pun akan diingat olehNya dengan kasih sayang dan perlindungan.

Bagaimana kita boleh menikmati segala nikmat yang Allah kurniakan tetapi kita lalai dan lupa dalam menyebut namaNya sebagai tanda ingatan dan rasa syukur kita kepadaNya? Zikir adalah cara terbaik untuk menjaga hati supaya tetap hidup dan dekat dengan Allah. Sedangkan hati yang lalai dari zikir cenderung untuk menjadi keras dan jauh daripada petunjuk Allah.

# KEPENTINGAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Disediakan oleh: Muhamad Hafiz Fadilah bin Bahar

**P**enyelenggaraan bangunan penting untuk memastikan keselamatan, keselesaan, dan kecekapan penggunaan.

Tanpa penyelenggaraan berkala, bangunan boleh mengalami kerosakan serius yang bukan sahaja membahayakan penghuni tetapi juga meningkatkan kos pembaikan pada masa hadapan. Berikut adalah ringkasan kepentingan penyelenggaraan bangunan:

## 1. KESELAMATAN PENGHUNI

Keselamatan penghuni adalah keutamaan utama dalam penyelenggaraan bangunan. Struktur yang tidak disenggara dengan baik boleh menyebabkan risiko seperti runtuh, kebakaran, dan kebocoran gas. Pemeriksaan berkala terhadap sistem elektrik, paip, dan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api dan penggera asap amat penting untuk mengelakkan kemalangan. Lif dan eskalator juga perlu disenggara bagi memastikan operasi yang selamat.

## 2. PEMELIHARAAN NILAI HARTA

Bangunan yang dijaga dengan baik mengekalkan atau meningkatkan nilai harta tanah. Pemilik yang ingin menjual atau menyewakan bangunan akan mendapat keuntungan lebih jika bangunan mereka dalam keadaan baik. Penyelenggaraan landskap, dinding, sistem penghawa dingin, serta pencahayaan yang baik boleh menarik perhatian pembeli atau penyewa.

## 3. KECEKAPAN TENAGA

Penyelenggaraan sistem penghawa dingin, pencahayaan, dan penebat haba membantu mengurangkan penggunaan tenaga dan kos utiliti. Penapis udara yang bersih dalam penghawa dingin memastikan sistem berfungsi dengan lebih cekap. Begitu juga, penggunaan lampu LED dan penebat haba yang baik mengurangkan keperluan penggunaan tenaga bagi pemanasan atau penyejukan.

## 4. PENGURANGAN KOS JANGKA PANJANG

Penyelenggaraan berkala mengelakkan kos pembaikan yang tinggi akibat kerosakan kecil yang dibiarakan berlarutan. Sebagai contoh, retakan kecil dalam dinding boleh menyebabkan kebocoran air yang akhirnya merosakkan struktur bangunan. Sistem perpaipan yang rosak juga boleh meningkatkan bil air dan menyebabkan kerosakan lain. Oleh itu, pemeriksaan berkala terhadap sistem perpaipan dan saliran amat penting.

## 5. KESELESAAN DAN KEPUASAN PENGHUNI

Bangunan yang bersih dan selesa meningkatkan kualiti hidup penghuni. Sistem penghawa dingin yang berfungsi baik, tandas yang bersih, dan lif yang terjaga memastikan keselesaan penghuni. Di pejabat, persekitaran kerja yang selesa meningkatkan produktiviti, manakala di bangunan kediaman, penyelenggaraan memastikan tekanan air yang mencukupi dan sistem pembuangan sampah yang teratur.

Penyelenggaraan bangunan bukan sahaja menjamin keselamatan tetapi juga mengekalkan nilai harta tanah, meningkatkan kecekapan tenaga, mengurangkan kos jangka panjang, dan memberi keselesaan kepada penghuni. Oleh itu, pemilik dan pengurus bangunan perlu memastikan penyelenggaraan dilakukan secara berkala untuk mengelakkan kerosakan yang boleh memberi kesan negatif kepada bangunan dan penghuninya. Pelaburan dalam penyelenggaraan bangunan adalah langkah bijak untuk manfaat jangka panjang.

Sumber:

1.<https://www.roberthainesco.com/the-importance-of-building-maintenance/>



# ALIRAN TUNAI POSITIF: KUNCI KELANGSUNGAN KEWANGAN

Disediakan oleh: Nurulzia binti Ibrahim

Dalam dunia kewangan, sama ada kewangan peribadi atau perniagaan, aliran tunai positif adalah faktor penting yang menentukan kestabilan dan kelangsungan kewangan. Aliran tunai merujuk kepada pergerakan wang masuk dan keluar, sama ada dari sumber pendapatan, pelaburan, atau perbelanjaan harian. Apabila jumlah wang masuk melebihi jumlah wang keluar, ia dikenali sebagai aliran tunai positif ataupun lebihan aliran tunai. Keadaan ini bukan sahaja mencerminkan kedudukan kewangan yang sihat, tetapi juga memberi ruang kepada pertumbuhan dan pengembangan masa depan. Aliran tunai boleh membantu untuk meramal keperluan tunai masa hadapan / semasa, menentukan keupayaan entiti untuk menjana aliran tunai positif di masa hadapan dan menentukan keupayaan entiti untuk membiayai perubahan dalam skop pendapatan dan perbelanjaan serta jenis aktiviti.

Bagi individu, aliran tunai positif memastikan mereka mampu menampung perbelanjaan seperti pembayaran bil, ansuran pinjaman, dan keperluan harian tanpa bergantung pada hutang. Simpanan lebih dari aliran tunai ini boleh digunakan untuk pelaburan, dana kecemasan, atau tujuan jangka panjang seperti pembelian rumah atau persaraan. Dengan pengurusan aliran tunai yang baik, seseorang boleh memastikan perbelanjaan tidak melebihi penerimaan, dapat mengelakkan beban kewangan yang berlebihan serta membina kestabilan kewangan yang kukuh.



Dalam konteks perniagaan, aliran tunai positif adalah asas kepada kelangsungan operasi. Aliran tunai perniagaan terdiri daripada tunai daripada operasi, kewangan dan pelaburan. Perniagaan dengan aliran tunai yang baik dapat membayar gaji pekerja, membeli stok, dan melabur dalam pertumbuhan tanpa perlu bergantung kepada pinjaman atau pelaburan luaran. Ia juga memberikan fleksibiliti untuk menghadapi cabaran kewangan yang tidak dijangka, seperti penurunan pasaran atau kenaikan kos operasi. Selain itu, syarikat yang mempunyai aliran tunai positif lebih dipercayai oleh pelabur dan institusi kewangan, menjadikannya lebih mudah untuk mendapatkan pembiayaan apabila diperlukan. Antara faktor aliran tunai negatif atau defisit adalah seperti modal yang kurang daripada pemilik, pendapatan / jualan yang kurang dan kos operasi yang berlebihan.

Namun, mencapai aliran tunai positif memerlukan disiplin dan perancangan kewangan yang teliti. Untuk individu, ini bermakna menetapkan bajet, mengawal perbelanjaan, dan meningkatkan pendapatan. Bagi perniagaan, ia melibatkan pemantauan berterusan ke atas aliran tunai, pengurangan kos operasi, dan strategi kutipan hutang yang berkesan. Tanpa pengurusan yang baik, aliran tunai yang negatif boleh membawa kepada hutang yang membebankan, akhirnya menjelaskan kelangsungan kewangan.

Kesimpulannya, aliran tunai positif adalah kunci kepada kestabilan kewangan yang mampan, sama ada untuk individu atau perniagaan. Dengan memastikan aliran tunai sentiasa berada dalam keadaan positif, anda bukan sahaja dapat menampung keperluan kewangan semasa tetapi juga merancang masa depan dengan lebih yakin dan selamat.

Rujukan :

1. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Aliran\\_tunai](https://ms.wikipedia.org/wiki/Aliran_tunai)
2. [https://www.anm.gov.my/images/dokumen/perakaunan/asas-akruan/MPSAS\\_2\\_Penyata\\_Airan\\_Tunai\\_V11\\_Cetak\\_180915.pdf](https://www.anm.gov.my/images/dokumen/perakaunan/asas-akruan/MPSAS_2_Penyata_Airan_Tunai_V11_Cetak_180915.pdf)
3. <https://www.smeinfo.com.my/menguruskan-kewangan-perniagaan-anda/simpan-kira-kira/>



# PENCEGAHAN: LANGKAH PENTING MENJAMIN KESELAMATAN

Disediakan oleh Yusuf bin Mohamad Nassir

Pencegahan merupakan salah satu medium terbaik dalam memastikan keselamatan dan mengelakkan berlakunya kemalangan, kehilangan, atau kecederaan kepada individu. Artikel ini akan membincangkan langkah-langkah keselamatan yang relevan kepada kakitangan dan individu yang menggunakan premis milik Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS).

Premis di bawah pengurusan LAKMNS adalah termasuk Masjid Jamek Negeri Sarawak, Masjid Bandaraya Kuching, Bangunan Baitul Makmur 1 dan Bangunan Baitul Makmur 2, serta Kompleks Raudhatul Sakinah Kuching yang terletak di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah Kuching. Lokasi-lokasi ini bukan sahaja menjadi tempat bekerja bagi kakitangan LAKMNS, ia juga menempatkan pejabat agensi-agensi kerajaan yang terdiri daripada orang kenamaan, kakitangan awam dan pengunjung yang menggunakan fasiliti di premis tersebut.

Keselamatan di setiap premis bukan sahaja melibatkan pematuhan kepada arahan yang telah ditetapkan, tetapi juga bergantung kepada pematuhan kendiri. Ini bermaksud individu perlu sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling. Sebagai contoh, penjagaan harta peribadi seperti kenderaan dan barang berharga amatlah penting. Pengunjung yang melawat tanah perkuburan di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah Kuching, misalnya, disarankan memastikan kenderaan mereka sentiasa berkunci. Barang berharga yang disimpan dalam kenderaan pula hendaklah disembunyikan agar tidak menjadi sasaran penjenayah.

Penjenayah tidak memilih tempat, malah lokasi seperti tanah perkuburan juga boleh menjadi sasaran. Oleh itu, pengunjung perlu mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan keselamatan harta benda mereka.

Selain keselamatan harta benda, keselamatan diri juga adalah aspek yang sangat penting. Setiap individu disarankan sentiasa berwaspada dan peka dengan keadaan sekeliling, terutamanya apabila berada seorang diri. Wanita, khususnya, perlu mengambil langkah berjaga-jaga kerana penjenayah sering mengambil kesempatan apabila melihat kelemahan atau kelalaian. Kejadian jenayah boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat.

Kesedaran dan langkah pencegahan yang proaktif dapat membantu mengurangkan risiko berlakunya kejadian yang tidak diingini. Dengan mengambil pendekatan ini, kita dapat bersama-sama menjamin keselamatan diri, harta benda, dan persekitaran kita.




# **MEMANTAPKAN KEMAHIRAN PENYIARAN: KURSUS KOMUNIKASI BERKESAN DALAM PENGACARAAN UNTUK PENYAMPAI RADIO IRIS**

Disediakan oleh: Farah Farina binti Hossien

Pada 4 Februari 2025, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menganjurkan Kursus Komunikasi Berkesan Penyampai Radio IRIS yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Lavender, Tingkat 8, Baitul Makmur I. Kursus ini bertujuan untuk memperkasa kemahiran komunikasi dan penyampaian dalam kalangan penyampai radio Internet Radio Islamic Sarawak (IRIS) agar lebih profesional dan berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada pendengar.

Kursus ini disampaikan oleh Encik Mohamad Fadzli bin Daud @ Emcee Fuzz, seorang profesional dalam bidang komunikasi dan pengacaraan. Beliau berkongsi pengalaman serta teknik-teknik penting yang boleh diaplikasikan oleh penyampai radio dalam tugas harian mereka. Antara pengisian utama kursus adalah Asas Komunikasi Berkesan dalam Pengacaraan ; Penyampaian maklumat yang jelas dan menarik adalah elemen utama dalam dunia penyiaran radio. Emcee Fuzz juga menekankan kepentingan intonasi suara, kelancaran pertuturan, dan penggunaan bahasa yang sesuai bagi menarik perhatian pendengar. Selain itu, peserta diajar bagaimana untuk mengawal nada suara dan ekspresi vokal bagi memastikan penyampaian lebih berkesan dan tidak monoton. Teknik storytelling dan pengawalan emosi dalam penyampaian turut ditekankan untuk memastikan mesej dapat disampaikan dengan lebih berimpak.



Sebagai penyampai radio, etika profesionalisme amat penting dalam memastikan penyampaian bersifat neutral, tidak berat sebelah, serta sesuai dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Para peserta juga digalakkan untuk mengikuti trend terkini dalam media sosial yang boleh diterapkan dalam penyiaran, dengan mematuhi etika yang betul. Selain menyampaikan maklumat, penyampai radio juga perlu bijak berinteraksi dengan pendengar, sama ada melalui panggilan telefon, media sosial, atau segmen siaran langsung. Kursus ini turut memberi panduan mengenai teknik pengendalian sesi interaksi, termasuk cara menjawab soalan dengan yakin dan spontan. Emcee Fuzz turut membawa penyampai radio dari Cats FM, iaitu Naz Azahari dan Fyra Farid, untuk sesi interaksi tersebut.

Seramai 10 orang peserta, terdiri daripada Penerbit, Penolong Penerbit, dan penyampai radio IRIS, telah menghadiri kursus ini. Kehadiran mereka menunjukkan kesungguhan dalam mempertingkatkan kemahiran serta kualiti penyampaian di radio IRIS.

Sebagai tanda penghargaan, Puan Haryati binti Mohamad, Ketua Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi, turut hadir untuk menyampaikan cenderamata kepada penceramah sebagai tanda penghormatan dan terima kasih atas ilmu yang telah dikongsikan.




# ISLAM DAN TENAGA BERSIH: MENYELAMI POTENSI TENAGA HIDROGEN

Disediakan oleh: Abang Zulkernain bin Abang Yusuf

**S**arawak fokus dan komited untuk menjadi pengeluar utama tenaga hidrogen di rantau ini susulan permintaan yang tinggi untuk sumber tenaga bersih dan boleh diperbaharui. Pelbagai inisiatif dan usaha telah dirancang dan dibangunkan oleh kerajaan negeri Sarawak seperti pembinaan dua loji hidrogen hijau untuk memastikan Sarawak berada di landasan yang betul bagi mencapai matlamat ini.

Apakah sumber tenaga hidrogen? Sumber tenaga hidrogen merujuk kepada penghasilan hidrogen melalui proses seperti elektrolisis air atau reformasi gas metana untuk digunakan sebagai bahan bakar atau sumber tenaga yang lebih murah dan mesra alam.



Penggunaan tenaga hidrogen dalam konteks Islam boleh dilihat dari perspektif alam sekitar serta kepentingan menjaga keseimbangan sumber alam. Menurut ajaran Islam, terdapat prinsip yang menekankan manusia adalah khalifah di bumi yang diamanahkan untuk memelihara dan menguruskan sumber-sumber alam dengan bijak. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 164:

**"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi,  
silih bergantinya malam dan siang, kapal yang  
berlayar di laut dengan membawa manfaat bagi  
manusia, serta segala yang ada di langit dan bumi  
sebagai tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang  
yang berfikir."**

Ayat ini menggambarkan bahawa manusia harus memanfaatkan segala sumber alam yang ada dengan cara yang memberi kebaikan bukan hanya untuk diri sendiri malah untuk kelangsungan generasi masa depan. Dunia perlu meneroka dan beralih ke sumber tenaga baharu yang lebih bersih dan selamat. Tenaga hidrogen berpotensi untuk menggantikan bahan bakar fosil yang mendatangkan risiko pencemaran untuk alam sekitar. Ini memandangkan hidrogen didapati lebih mesra alam berbanding bahan bakar fosil kerana ia tidak menghasilkan gas rumah hijau apabila digunakan sebagai sumber tenaga. Islam mendorong umatnya untuk mencari kaedah yang tidak merosakkan alam sekitar, dan penggunaan tenaga hidrogen dilihat sebagai langkah positif ke arah pembangunan tenaga yang lestari dan berlanjutan.

Selain itu, penggunaan tenaga hidrogen dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui, seperti minyak dan gas. Ini bertepatan dengan ajaran Islam yang menggalakkan pengurusan sumber alam secara berhemat dan bertanggungjawab.



Kesimpulannya, penggunaan tenaga hidrogen tidak hanya relevan dari segi teknologi moden, tetapi juga selaras dengan ajaran Islam yang menekankan kepentingan memelihara alam dan bertanggungjawab terhadap nikmat dan sumber rezeki yang diberikan Allah SWT.

Rujukan:

1. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Gas\\_rumah\\_hijau](https://ms.wikipedia.org/wiki/Gas_rumah_hijau)
2. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1125605/sarawak-bakal-pengeluar-utama-tenaga-hidrogen-hijau>
3. [https://premierdept.sarawak.gov.my/web/subpage/news\\_view/6811/UKAS](https://premierdept.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/6811/UKAS)
4. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/04/28/hidrogen-sebagai-sumber-tenaga-baharu/>

# REFORMASI GAJI MINIMUM: PELUANG, CABARAN DAN PENYELESAIAN

Disediakan oleh: Nusrin Binti Mohamad Idris

Gaji minimum merupakan alat dasar ekonomi yang digunakan oleh kebanyakan negara untuk memastikan pengagihan pendapatan yang adil dengan tujuan untuk melindungi pekerja daripada dieksplorasi oleh syarikat<sup>1</sup> dan organisasi.

Di Malaysia, pelaksanaan Perintah Gaji Minimum<sup>2</sup> telah digazetkan pada 4 Disember 2024 yang dikuatkuasakan pada 1 Februari 2025<sup>3</sup>. Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum ini terpakai kepada majikan yang mempunyai lima pekerja atau lebih dan majikan yang melaksanakan aktiviti profesional seperti yang termaktub di dalam Malaysia Standard Classification of Occupation 2020<sup>4</sup>. Manakala, pada 1 Ogos 2025, perintah pelaksanaan gaji minimum RM1,700.00 akan terpakai kepada semua majikan tanpa mengira jumlah pekerja. Bagi majikan yang mempunyai pekerja kurang daripada 5 orang, pembayaran gaji minimum RM1,500.00 adalah sehingga 31 Julai 2025<sup>5</sup>. Pelaksanaan gaji minimum ini juga terpakai kepada pekerja asing untuk mengelakkan diskriminasi terhadap mereka<sup>6</sup>.

Di Sarawak, perintah ini terpakai untuk sektor swasta berkuatkuasa pada tarikh seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri. Untuk penjawat awam Sarawak, mereka tertakluk kepada surat perkililing yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia<sup>7</sup>.

Peningkatan gaji minimum ini merupakan langkah strategik dan peluang kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup pekerja<sup>8</sup> bagi memenuhi keperluan asas terutamanya golongan berpendapatan rendah pada masa yang sama menyediakan suasana kondusif untuk meningkatkan nilai rantaian pengeluaran industri mereka<sup>9</sup>. Para pekerja yang mendapat gaji yang adil akan lebih cenderung bersemangat dan setia kepada syarikat<sup>10</sup>. Ini dapat mengurangkan kadar turnover pekerja yang merugikan syarikat dari segi kos merekrut pekerja baharu serta kos kehilangan produktiviti syarikat<sup>11</sup>.

Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum ini disambut baik oleh masyarakat terutamanya para pekerja berpendapatan rendah namun terdapat cabaran untuk pelaksanaannya. Antaranya, ketidakpatuhan majikan untuk melaksanakan Perintah Gaji Minimum di Malaysia terutamanya dalam sektor tidak formal kerana penguatkuasaan undang-undang yang lemah terhadap majikan yang tidak mengikuti undang-undang. Justeru itu, pemeriksaan berkala oleh agensi-agensi seperti Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia amatlah digalakkan untuk mengelakkan pekerja dieksplorasi oleh majikan yang tidak bertanggungjawab serta memberikan penalti<sup>12</sup> yang lebih berat kepada majikan yang gagal memberi kerjasama untuk pelaksanaan Perintah Gaji Minimum di syarikat atau organisasi mereka.



Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh majikan untuk melaksanakan Perintah Gaji Minimum dalam sektor Perniagaan Kecil Sederhana (PKS). PKS merupakan penyumbang besar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara<sup>13</sup>. Peningkatan kos operasi PKS boleh menjelaskan margin keuntungan syarikat secara tidak langsung akan menyebabkan pengurangan tenaga kerja atau penutupan perniagaan. Penyelesaiannya, pihak kerajaan perlu menawarkan insentif seperti subsidi gaji, pelepasan cukai atau bantuan kewangan kepada majikan PKS. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) juga menyediakan bantuan berterusan kepada PKS dalam mematuhi Perintah Gaji Minimum<sup>14</sup>. Bantuan ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban majikan PKS tanpa mengorbankan hak pekerja.

Jurang pembangunan yang ketara antara kawasan bandar dan luar bandar juga memberi cabaran kepada majikan untuk melaksanakan Perintah Gaji Minimum. Ini kerana gaji minimum yang ditetapkan mungkin lebih sesuai untuk kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar yang mana membebankan majikan di kawasan luar bandar. Cadangan penyelesaiannya adalah supaya kerajaan melaksanakan Perintah Gaji Minimum mengikut zon yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi seperti di Kuala Lumpur<sup>15</sup> dahulu sebelum diimplementasikan di kawasan luar bandar yang memerlukan kos sara hidup yang rendah.

Kesimpulan, reformasi Perintah Gaji Minimum adalah langkah yang penting untuk memastikan keadilan terhadap pekerja dapat dicapai sekali gus meningkatkan kestabilan ekonomi dan sosial Malaysia. Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum ini perlu dilaksanakan secara berhati-hati untuk mengimbangi kepentingan majikan dan pekerja.

Rujukan:

1. Nick Fletcher. 13 November 2024. Gaji Minimum RM1,700 Tidak Terpakai Kepada Penjawat Awam Sarawak. <<https://suarasarawak.my/gaji-minimum-rm1700-tidak-terpakai-kepada-penjawat-awam-sarawak>>
2. Warta Kerajaan Persekutuan PU(A) 376/2024
3. Warta Kerajaan Persekutuan PU(A) 376/2024, Perenggan 1(3).
4. Ministry of Human Resources Human Resources. Malaysia Standard Classification of Occupations 2020.
5. Warta Kerajaan Persekutuan PU(A) 376/2024, Perenggan 4.
6. Ordinan Buruh Sarawak, Seksyen 119B; Ordinan Buruh Sabah, Seksyen 118B; dan Akta Kerja 1955, Seksyen 69F; serta International Labour Organisation Equal Remuneration Convention, 1951 (No.100) yang diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1997.
7. Nick Fletcher. 13 November 2024. Gaji Minimum RM1,700 Tidak Terpakai Kepada Penjawat Awam Sarawak. <<https://suarasarawak.my/gaji-minimum-rm1700-tidak-terpakai-kepada-penjawat-awam-sarawak>>
8. Sekretariat Majlis Perundangan Gaji Negara Kementerian Sumber Manusia. Rasonal Dasar Gaji Minimum. <<https://minimumwages.mohr.gov.my/index.php/ms/sebab-malaysia-mengenakan-dasar-gaji-minimum>>
9. Sekretariat Majlis Perundangan Gaji Negara Kementerian Sumber Manusia. Dasar Gaji Minimum Malaysia. <<https://minimumwages.mohr.gov.my/index.php/ms/informasi-gaji-minimum/m-dasar-gaji-minimum>>
10. Indeed Employer Content Team. 28 Januari 2025. What is the Cost of Hiring New Employees? <<https://www.indeed.com/employers/c/info/cost-of-hiring-employees>>
- 11.Indeed Employer Content Team. 28 Januari 2025. What is the Cost of Hiring New Employees? <<https://www.indeed.com/employers/c/info/cost-of-hiring-employees>>
12. Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011, Seksyen 43.
13. Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) 2030, muka surat 7.
14. Bernama. Kuskop Sedia Bantuan Berterusan Untuk PKS Laksana Gaji Minimum Februari ini. <<https://www.hmetro.com.my/pks/2025/01/1179738/kuskop-sedia-bantuan-berterusan-untuk-pks-laksana-gaji-minimum-februari-ini>>
15. Mukhriz Mat Husin. 25 Oktober 2025. Perhalusi Dasar Gaji Minimum, Seimbang Keperluan Perniagaan, Ekonomi. <[https://www.sinharohan.com.my/article/693077/berita/nasional/perhalusi-dasar-gaji-minimum-seimbang-keperluan-perniagaan-ekonomi#google\\_vignette](https://www.sinharohan.com.my/article/693077/berita/nasional/perhalusi-dasar-gaji-minimum-seimbang-keperluan-perniagaan-ekonomi#google_vignette)>

# KEMAHIRAN HIDUP KUNCI KEPADA KEMANDIRIAN



Disediakan oleh: Dayang Siti Aishah binti Mohd Atei

Kemahiran hidup membolehkan individu menguruskan kehidupan mereka dengan lebih baik termasuk dalam aspek perhubungan sosial, pengurusan diri, dan penyelesaian masalah. Bagi anak-anak, kemahiran hidup sangat penting dalam membentuk kemandirian mereka. Anak-anak yang bermandiri mampu menguruskan diri sendiri, membuat keputusan dan bertanggungjawab terhadap tindakan serta pilihan yang dibuat. Dalam membentuk kemandirian anak, ibu bapa perlu mengajar ilmu kemahiran hidup kepada mereka.

Mengajar anak cara menguruskan masa dengan baik adalah asas dalam kemandirian. Anak yang tahu bagaimana merancang waktu mereka untuk belajar, bermain, dan berehat akan lebih berdikari dalam menjalankan rutin harian mereka. Contoh praktikal termasuk membuat jadual harian, menetapkan keutamaan dan belajar untuk menangguhkan kepuasan segera demi mencapai matlamat yang lebih besar. Selain itu, kemahiran pengurusan diri seperti menjaga kebersihan diri, memilih pakaian yang sesuai serta menguruskan makanan dan tidur juga merupakan elemen penting dalam membentuk kemandirian. Anak-anak yang diajar menguruskan diri mereka sejak kecil akan lebih yakin untuk melakukan tugas harian tanpa perlu bergantung kepada orang lain.

Dalam membentuk anak yang mampu berdikari, ibu bapa perlu melatih anak-anak berfikir secara kritis dan belajar menyelesaikan masalah. Mereka perlu diajar bagaimana menghadapi cabaran dan mencari penyelesaian dengan cara yang konstruktif. Ini termasuk membimbing mereka untuk menilai situasi dan membuat keputusan yang bijak tanpa mengharapkan jawapan terus dari orang dewasa.

Mempunyai kemahiran sosial yang baik dapat membantu anak-anak berkomunikasi dengan jelas, bekerjasama dengan orang lain dan menyelesaikan konflik secara damai. Mereka lebih mudah berdikari dalam persekitaran sosial. Anak-anak juga perlu diajar untuk mengambil tanggungjawab terhadap pilihan dan tindakan mereka. Anak yang mempunyai rasa tanggungjawab akan lebih berani membuat keputusan sendiri dan menghadapi akibat daripada keputusan yang mereka ambil. Ini termasuk mengakui kesilapan dan berusaha untuk memperbaiki keadaan.

Kemahiran hidup bukan sahaja mengajar anak untuk menjadi lebih berdikari dalam kehidupan seharian, bahkan membentuk mereka menjadi individu yang berkeyakinan, bertanggungjawab dan mampu menghadapi cabaran hidup dengan lebih tenang. Sebagai ibu bapa, kita perlu memberikan bimbingan yang berterusan agar anak-anak dapat menguasai kemahiran ini dan menerapkannya dalam kehidupan mereka. Dengan cara ini, kita dapat memastikan anak-anak bukan sahaja dapat mengurus diri dengan baik, malah mereka mampu mengharungi masa depan dengan penuh keyakinan.

Rujukan :

1.Prof Dr Alvin Ng Lai Oon (2002) <https://mypositiveparenting.org/ms/2022/03/30/kemahiran-hidup-penting-untuk-kanak-kanak/>

2.Muhammaad Razis Ismail (2024) <https://www.hmetro.com.my/WM/2024/07/1110709/jangan-manjakan-sangat>

*Apabila telah mati seorang manusia,  
maka terputuslah baginya pahala amalannya  
kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah,  
ilmu yang bermanfaat dan anak soleh  
yang mendoakannya. Riwayat Muslim (1631)*

**Jom Jana  
Saham Akhirat  
melalui**

**PEMBINAAN  
PUSAT AGAMA NURUL SAADAH**

# **Wakaf**

**PEMBINAAN  
GAZEBO RAUDHATUL SAKINAH**

**TUNAI**

Serahan tunai kepada Bahagian Kewangan di Pejabat LAKMNS, Tingkat 8, Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, Kuching, dengan menyatakan tujuan wakaf PUSAT AGAMA NURUL SAADAH. Orang yang boleh dihubungi:

- Azielaa Nadira binti Mohamad No. tel: 082-440775
- Mohd Hafidz bin Mohidin Zailani No. tel: 082-440775

Serahan tunai kepada Bahagian Kewangan di Pejabat LAKMNS, Tingkat 8, Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, Kuching, dengan menyatakan tujuan wakaf GAZEBO. Orang yang boleh dihubungi:

- Mohd Hafidz Bin Mohidin Zailani No. tel: 082-440775

## **PEMBAYARAN ATAS TALIAN (ONLINE TRANSFER)**

Bayar kepada akaun Bank Islam Malaysia Berhad 11013010006339 atas nama LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK. Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf PUSAT AGAMA NURUL SAADAH. ke alamat emel [wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)

Bayar kepada akaun Bank Islam Malaysia Berhad 11013010006339 atas nama LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK. Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf GAZEBO ke alamat emel [wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)

## **QR PAY (SPAY GLOBAL)**



Atas nama LEMBAGA AMANAH  
KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK  
Hantar slip pembayaran bersama  
maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/  
Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel)  
dengan menyatakan tujuan wakaf  
PUSAT AGAMA NURUL SAADAH  
ke alamat emel [wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)



Atas nama LEMBAGA AMANAH  
KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK  
Hantar slip pembayaran bersama  
maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/  
Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel)  
dengan menyatakan tujuan wakaf  
GAZEBO ke alamat emel  
[wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)

